



## MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

### PEMBERITAHUAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dari semua kaum, termasuk orang kurang upaya (OKU). Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** untuk mengisi jawatan berikut di Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah :-

#### JAWATAN KOSONG

1.	SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG JURUAUDIT GRED W29
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEWANGAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	TETAP
	JADUAL GAJI	:	<b>RM 1,498.00 – RM 5,678.00</b>

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (i) (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf setaraf dengannya;

**( Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92)**

- (ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan;  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92)**
- (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakuan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,776.08)**
- (iv) Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang pentadbiran kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 2,001.68)**
2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred W29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

#### **B. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN**

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

#### **C. CARA MEMOHON**

- i) Permohonan hendaklah secara on-line di laman web Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah iaitu <http://jawatan.mpjbt.gov.my>

- ii) Sebarang masalah berkaitan penjawatan sila hubungi **Encik Azrullail bin Masijan di talian 07-5555205** Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
- iii) Sebarang kemusykilan sila hubungi **En. Ahmad Saufi Bin Abd Rahim ditalian 07-5555183 (pej)** Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

D. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Sebelum atau pada **27 APRIL 2017**

- E. Hanya calon-calon yang ditapis untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Mereka yang tidak dihubungi adalah **tidak berjaya**. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungan calon-calon sendiri. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 2 minggu dari tarikh temuduga dianggap **tidak berjaya**.
- F. Segala sijil kelayakan hendaklah diisi mengikut butiran sijil asal. Pihak Majlis berhak tidak membenarkan tuan/puan untuk ke sesi temuduga jika didapati butiran yang diisi tidak sama dengan sijil asal.

( HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD )  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.